

Selamat Ulang Tahun UiTM



اَوْبُو كَرِيْمِي سَيَكُنْ لَوِيْنِ مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**Majlis Kemuncak
Sambutan Ulang Tahun
ke-60 UiTM**

**Sambutan Ambang
Kemerdekaan UiTM**

**Istiadat Konvokesyen
UiTM ke-85**

UiTM Ikutai APEL

**Konvensyen Nasional
Penyatuan Bangsa**



MAJLIS ANUGERAH HARTA INTELEK NEGARA

SEMPENA HARI HARTA INTELEK NEGARA 2016

TRANSFORMASI NEGARA MELALUI PEMERINTAHAN HARTA INTELEK

Disempurnakan oleh
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ ABU RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA

2 Ogos 2016 | Dewan Muzium Negara, Putrajaya

Agensi di bawah KPDNKK



Majlis Anugerah Harta Intelekt Negara (AHIN 2016)

SHAH ALAM, 02 Ogos - Penyelidik Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah berjaya memenangi anugerah Gangsa bagi kategori Hak Cipta pada majlis Anugerah Harta Intelekt Negara (AHIN 2016), bersempena Hari Harta Intelekt Negara 2016.

Kumpulan yang terdiri daripada pensyarah Fakulti Sains Komputer & Matematik, UiTM Shah Alam; Prof. Madya Dr Anitawati Mohd Lokman, Azhar Abd Aziz, Afiza Ismail, Syed Abdullah Syed Abdul Kadir serta Fateen Faiq Mislan Moganan, menghasilkan reka cipta 'ITourism Travel Buddy Mobile Application' iaitu aplikasi dalam talian yang menawarkan informasi berkaitan industri pelancongan di Malaysia dalam bentuk interaktif dan mudah difahami.

Pemenang berjaya membawa pulang piala, wang tunai bernilai RM 5,000 dan sijil yang disampaikan oleh Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YB Dato' Seri Hamzah Zainudin di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Turut hadir, Timbalan Menteri KPDNKK, YB Dato' Henry Sum Agong serta Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO), Dato' Shamsiah Kamaruddin.

ITourism Travel Buddy Mobile Application merupakan aplikasi dalam talian yang menawarkan kandungan informatif berkenaan destinasi pelancongan di Malaysia. Pengguna boleh mendapatkan maklumat seperti Hotspots iaitu senarai destinasi pelancongan yang popular di Malaysia. Selain fungsi Utilities yang dapat membantu pelancong khususnya dari luar negara untuk mempelajari bahasa tempatan. Aplikasi ini boleh dimuat turun di Google Play Store untuk pelantar Android atau Apple Apps Store bagi pengguna pelantar IOS. Maklumat lanjut berkenaan aplikasi ini boleh dilayari melalui laman web <http://itourism.com.my>.



Konsep & Reka Bentuk:
Bahagian Consuleri & Komunikasi Korporat Universiti Teknologi MARA



www.uitm.edu.my



UITM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasmil
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensasakorporat